


**BUKU PANDUAN
TAMAN HAIWAN
SINGAPURA**



QL
76.512
Sinn

SINGAPORE
MALAYSIA
COLLECTION

BINATANG PERISODAKTILA (PERISSODACTYLA)

(UNGGULATA BERKUKU GANJIL-KUDA BELANG, TENOK, BADAK
PUTEH, DLL.)

Perissodactyla dalam bahasa Greek bererti "berkuku ganjil", dan banyak binatang binatang yang penting pada manusia adalah termasuk dalam kelas ini atau dalam kumpulan binatang yang "berkuku genap".

Binatang binatang dari kumpulan yang berkuku genap ganjil mempunyai bilangan kuku tapak yang ganjil dan berat badan binatang tersebut disokong oleh kuku tapaknya yang ketiga dari tiap tiap satu kaki. Beberapa jenis unggulata yang berkuku ganjil seperti kuda, hanya menggunakan kuku tapaknya yang ketiga. Kaki kakinya panjang dan mempunyai kuku tapak yang tumpul.

Semua binatang binatang jenis ini adalah binatang binatang yang memakan tumbuhan tumbuhan dan mereka mempunyai perut yang berongga tunggal.

Unggulata unggulata berkuku ganjil ada terdapat di Amerika Selatan dan Tengah, Afrika, dan Asia. Ada tiga jenis asas—iaitu kuda (Equids), tenok (Tapirids) dan badak (Rhinocerotids). Semua binatang binatang jenis hampir menjadi pupus dengan pesatnya.

KUDA BELANG GRANT

Kuda belang ialah binatang yang mempunyai warna paling menarik sekali, berasal dari keluarga kuda, dan binatang yang selalu dipamerkan. Chorak belang-belang hitam dan putehnya yang terang itu adalah menjadi chorak persaoarangannya; sama sebagai sidik jari manusia menjadi chorak persaoarangannya, dan tidak ada dua jenis chorak belang yang serupa. Ada tiga jenis kuda belang dan kita dapat membezakan mereka oleh kerana chorak belang-belangnya yang berlainan.

Binatang-binatang ini terdapat hanya di Afrika, disebelah selatan Sahara hing-

ga ka-kawasan Tanjong Good Hope. Mereka meragut rumput didataran-dataran terbuka atau dihutan-hutan kecil dimana ada banyak rumput, dan mereka makan sama seperti kuda-kuda biasa. Biasanya saekor kuda belang yang tua akan mengetuai satu kelompok kuda-kuda belang pergi katempat-tempat yang ada ayer pada pagi hari dan petang hari. Mereka suka bergaul dan kadang-kadang akan meragut rumput dengan kumpulan binatang-binatang kumpulan binatang lain. Kuda belang-kuda belang ini adalah menjadi mangsa yang sangat digemari oleh singa, cheetah dan juga manusia manusia, dan binatang-binatang hampir menjadi pupus.

Pada masa sekarang ini ada empat jenis kuda belang yang tinggal. Jenis terbesar ialah kuda belang Grant yang berasal dari Kenya dan Ethiopia. Ianya berberat kira-kira 740 paun dan mem-



punyai jalor-jalor yang tirus dan tajam. Chorak-chorak ini menjadi bertambah kecil apabila sampai dibahagian punggungnya. Kuda belang Grant dari Utara Timor Laut Afrika mempunyai belang yang terang sampai ka-kuku tapaknya dan kadangkala mempunyai belang-belang yang puchat dibahagian punggungnya. Kuda belang Chapman dari bahagian Selatan—Afrika Tengah belang-belang puchat diantara la jalor-jalor besar yang hitam. Kuda belang Selous dari bahagian selatan Afrika Tengah hampir sama dengan kuda belang Grant kechuali belangnya adalah lebih rapat dan bahagian bawah adalah hitam oleh belang-belangnya sudah menjadi sat bergabong.

Kuda belang adalah binatang-binatang terlalu gugup dan boleh menjadi buas dan merbahaya apabila dalam tawanan. Mereka pernah mengigit dan mengkodong kan tangan yang memberi mereka makanan. Kuda-kuda belang dalam taman haiwan, apabila kurongkan dengan binatang-binatang lain, telah menchedrakan dan membunuh binatang yang lain itu.

Tempoh bunting saekor kuda belang betina ialah dari 12 hingga 13 bulan, dan hanya saekor anak diberanakkan. Saekor kuda belang boleh dilateh dengan sempurna dalam kurongan dan selalunya boleh hidup sampai 20 tahun.

TENOK MALAYA

(*Tapirus indicus*)

Saekor tenok mempunyai badan yang besar dan berat, kaki-kaki yang pendek dan kepala yang sa-akan-akan saekor gajah dan babi. Saekor tenok dewasa kira-kira 3 kaki tinggi sahaja, tetapi berberat sehingga 400 paun.

Warnanya sungguh luarbiasa—ianya bewarna hitam hitam dan bertompok puteh dari bahagian bahu-nya hingga ka-punggongnya. Sunggoh-pun warnanya itu ganjil, akan tetapi warna tersebut

sunggoh berkesan sekali pada malam hari untuk melindongi nya dirinya dari harimau harimau dan harimau bintang. Satu lagi sifatnya yang ganjil ialah bahwa kaki hadapannya mempunyai empat kuku tapak, sementara kaki belalakangnya mempunyai tiga kuku tapak.

Tenok adalah saekor binatang chergas malam dan akan tidur diwaktu sianghari dan jika ia jaga ia menghabiskan banyak masanya didalam ayer atau ditanah tanah yang basah sambil memakan puchok-puchok pokok dan akar-akar yang boleh dimakan. Habitat atau tempat kediamannya yang biasa ialah hutan tebal, selalu berpaya dan beredekatan kepada tasek atau sungei. Ianya saekor binatang yang pendiam dan tenteram tetapi boleh menjadi linchah apabila diusek atau diganggu dan boleh melakukan kechederaan yang parah dengan giginya. Ianya boleh beredengan chekap dan akan membuang dirinya kadalam ayer apabila kena serang.

Tempoh buntingnya ialah kira-kira 13 bulan dan biasanya satu atau dua ekor anak akan diberanakkan. Anak-anaknya sunggohpun serupa dengan te-



nok-tenok dewasa Sunggohpun anak-mempunyai bentuk yang serupa dengan tenok-tenok dewasa, akan tetapi mereka mempunyai jalor-jalor yang membujur dibadannya. Tanda-tanda ini akan hilang apabila binatang tersebut menjadi tersebut menjadi dewasa.

BADAK PUTEH

Nampaknya tidak ada guna-nya jika diberanakkan sebagai saekor badak, kerana binatang ini telah diburu dan dibunuh untuk mendapatkan gading dari chula atau tandoknya, selama beberapa keturunan. Chula badak ini dianggap sebagai ubat yang boleh menambahkan shahwat, dinegeri sebelah Timor. Oleh kerana binatang-binatang tersebut sangat dikehendakki oleh para pemburu, maka ia sudah hampir pupus.

Badak putih ini ialah binatang mamalia darat terbesar yang kedua, iaitu selepas gajah. Saekor badak dewasa berukur 6 kaki tinggi dari bahunya dan mungkin berberat lebih dari 3 ton. Sifatnya yang teristimewa ialah chulunya yang mengandongi serabut-serabut yang chukop mampat. Bahagian tengahnya tidak bertulang. Chula ini terchantum kepada kawasan yang menyokong dan ianya boleh dipisahkan dengan mudah



apabila kulit binatang tersebut disiat. Chula tersebut sentiasa bertumbuh dan boleh diganti jika hilang.

Badak putih ini bukanlah putih sebenarnya, tetapi warnanya adalah lebih puchat lagi dari badak hitam, yang juga bukan hitam tetapi bewarna kelabu gelap. Badannya yang berkulit tebal, tidak berbulu melainkan ditepi-tepi telinga dan hujung ekornya. Ianya berbeza dari badak hitam oleh kerana mulotnya yang besar, dan mempunyai bibir yang berbentuk empatsegi. Binatang ini, sunggohpun lebih besar dari jenis hitam, jika dibandingkan adalah pemalu dan kurang agresif. Ianya juga mempunyai bonggol yang nyata diantara bahunya, yang tidak terdapat pada badak hitam, dan kepala adalah lebih panjang.

Badak putih ini semata-mata makan tumbuh-tumbuhan, meragut-ragut kawasan savana yang berdurian dalam dua daerah tertentu di Afrika—iaitu, disebelah utara binatang-binatang ini terdapat di Uganda, Congo dan Sudan, dan disebelah selatan pula, di Zululand. Mereka bertedoh dibawah pokok dan seringkali pergi mandi dan minum.

Sunggohpun badak tersebut mempunyai deria bau dan dengar yang sangat tajam, tetapi ia mempunyai mata yang rabun dan selalu tidak boleh nampak kemana ia pergi atau siapa yang menghampirinya. Walau bagaimana pun, ia ada seorang teman, iaitu saekor burung kecil berparot merah, yang selalu menghinggapinya dibelakangnya dan memberitahu padanya apabila ada bahaya. Tidak ada banyak binatang yang chukop besar, untuk melakukan apa-apa kepada saekor badak putih yang dewasa. Musohnya yang pertama ialah manusia. Tidak payah lah dikatakan lagi, bahawa anak-anaknya selalu menjadi mangsa kepada singa dan buaya. Biasanya saekor anak akan diberanakkan selepas tempoh bunting selama 18 bulan, dan ianya akan terlekat kepada betina itu untuk beberapa tahun.

BINATANG GOLONGAN ARTIODAKTILA (ARTIODACTYLA)

(UNGGULATA BERKUKU-GENAP-BADAK AYER, UNTA, PELANDOK, KIJANG, RUSA SIKI, RUSA BINATANG, ZIRAFAH, ANTILOP EMPAT-TANDOK, GEZEL THOMSON, IMPALA DAN BIRI-BIRI BABERI)

Kebanyakan dari binatang ternakan yang dipelihara oleh manusia, berasal dari susunan ini dan binatang-binatang ini telah memberikannya makanan, minuman, pakaian dan kenaikan, selama berabad-abad. Binatang ini semua, menurut terjemahan dari bahasa Greek bererti binatang "berkuku-genap". Binatang dari golongan artiodaktila ini, disokong oleh kuku-tapaknya yang ketika dan keempat, sementara kuku-tapaknya yang lain-lain tidak mengena tanah langsung ataupun sudah tidak ada. Kuku-tapaknya yang pertama telah hilang semasa peredaran ubahansor. Kechuali badak ayer yang berdiri dengan kebanyakan dari unggulata-unggulata berkukugenap mempunyai sistem penghadaman yang rumit, oleh kerana ia mempunyai perut yang berongga-dua atau empat. Ini membolehkan mereka menelan makanan dengan banyaknya, dan menyimpannya, dalam dua rongga yang pertama dan mengeluarkannya kemudian untuk dikunyah semasa ia sedang berehat dalam keadaan yang selamat. Pada masa ini makanan tersebut telah pun dikerjakan oleh kuman. Sadikit dari makanan itu dikeluarkan balek kedalam mulot, dan dikunyahnya betul-betul. Sesudah itu makanan tadi ditelan semula dan makanan itu masuk kedalam rongga perut yang ketiga dan keempat. Proses mengunyah ini berlanjutan hingga makanan tersebut sudah chukop hanchor.

Unggulata-unggulata berkuku-genap maseh ada lagi dengan banyaknya, dan mereka adalah lebih berjaya lagi dari jenis berkuku-ganjil, sunggohpun mereka diburu dengan giatnya oleh manusia. Adalah diperchayai, satu daripada sebab-sebab utamam menyapa ianya maseh banyak lagi, ialah bahawa mereka dapat

mengumpulkan banyak makanan dengan chepatnya dan selepas itu memakannya di-tempat-tempat yang selamat.

Unggulata berkuku-genap berbeza dari unggulata berkuku-ganjil dengan satu lagi chara lain. Mereka mempunyai sepasang tulang yang tumbuh keluar dari bahagian atas tengkorak kepalanya. Ada empat jenis tumbuhan-luar:

1. Rusa mempunyai tandok yang berchabang dan bermusim, hanya rusa-rusa jantan sahaja yang ada tandok tersebut.
2. Zirafah mempunyai tumbuhan luar yang tetap, pendek, berseliputkan kulit dan tidak berchabang.
3. Antilop yang berasal dari Amerika Utara mempunyai tandok yang tetap dan tidak berchabang, tetapi ia mempunyai sarong seperti tandok yang berchabang sadikit, dan yang akan luruh pada tiap-tiap tahun.
4. Lembu, biri-biri, kambing, dll. mempunyai tumbuhan-tumbuhan luar yang tidak berchabang. Kedua-dua jantina mempunyai tandok tersebut.

Kebanyakan dari unggulata-unggulata yang berikuku-genap adalah binatang yang memakan tumbuh-tumbuhan kechuali babi.

BADAK AYER

(Hippopotamus amphibius)

Sesaorang itu boleh mengetahui bihawa saekor badak ayer hidup didalam ayer, kerana mata dan hidungnya terletak tinggi dibahagian kepalanya. Ini bermaana bahawa badannya boleh ditenggelamkan langsung kedalam ayer, dan binatang ini maseh boleh melihat, bernafas dan mencium bau. Dengan chara ini saekor badak ayer adalah sama dengan saudaranya, iaitu buaya, yang juga mempunyai mata dan hidong yang terletak tinggi dibahagian kepalanya.

Badak-badak ayer adalah binatang berbadan besar dan lembek, dengan